

**Mat Sabu Sah Bertanding Di Kedah
Bernama
4 April, 2013**

PETALING JAYA, 4 April (Bernama) -- Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu mengesahkan akan bertanding di Kedah pada pilihan raya umum ke-13.

Bercakap kepada Bernama, Mohamad yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu bagaimanapun enggan memberitahu kawasan yang beliau akan bertanding.

"Nanti kita akan putuskan selepas mesyuarat pimpinan tertinggi pakatan rakyat hari ini " katanya.

Sebelum ini, desas-desus mengatakan Mat Sabu akan bertanding di kerusi Parlimen Pendang, Kedah.

Pada pilihan raya umum 2008, Mat Sabu bertanding di kerusi Parlimen Kuala Terengganu dan kalah kepada Datuk Razali Ismail dari Barisan Nasional (BN) dengan majoriti 628 undi.

Sementara itu, Naib Presiden PAS Datuk Husam Musa dijangka bertanding di kerusi Parlimen Putrajaya yang kini disandang Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

"Saya dengar-dengar begitulah, tetapi kita tunggu hasil keputusan mesyuarat hari ini," kata Husam.

Husam adalah Anggota Dewan Undangan Negeri Salor, Kelantan dan beliau antara yang disebut-sebut bakal Menteri Besar Kelantan yang kini disandang Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939531>